

## Best Sangat ke Membawang ni??



Maksud "**membawang**" pada bahasa asalnya ialah **memfitnah**. Fitnah merupakan suatu perbuatan yang tidak baik untuk semua orang mahupun si mangsa. Sasaran utama kumpulan "makcik bawang" dan "pakcik bawang" ialah seorang mangsa yang mengalami sesuatu perkara yang diluar jangkaan contohnya seperti mendapat wang berjuta ringgit atau naik pangkat tetapi disalah anggap sebagai mencuri atau membodek.

Cuba kita perhatikan betul-betul, masing-masing di antara kita sudah mula menjadi makcik dan pakcik bawang tanpa kita sedari. Kemana sahaja kita pergi ada sahaja makcik pakcik bawang dalam kalangan kita ni. Adakah ianya sudah menjadi trend sekarang? Tidak terfikirakah kita bagaimana perasaan orang yang difitnah apabila ianya terjadi?

Mengumpat dalam bahasa Arab disebut sebagai *Ghibah* yang bermaksud menyatakan keburukan atau keaiban seseorang dibelakangnya sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan mahupun isyarat. Malah, salah seorang sahabat Nabi SAW pernah bertanya: Apa itu mengumpat?

Rasulullah (SAW) menjawab: "*Menyebut sesuatu mengenai saudaramu di belakangnya yang dia tidak suka.*"

Selanjutnya Sahabat itu bertanya: "*Dan masihkah dikatakan mengumpat sekiranya apa yang disebutkan mengenainya itu benar terdapat padanya?*"

Rasulullah (SAW) menjawab: "*Dalam hal demikian (iaitu jika yang disebutkan itu memang benar) maka sebenarnya itulah mengumpat; tetapi jika apa yang disebutkan itu palsu, maka kamu telah memfitnahnya.*"

Dalam Islam mengumpat adalah perbuatan yang amat dilarang sama sekali, Hukum mengumpat adalah Haram dan berdosa besar hingga hukuman yang dijatuhkan kepada para pengumpat di ibaratkan seperti memakan darah daging sendiri sepertimana Allah SWT berfirman dalam surah Al-Hujurat (12):

***"Dan janganlah sebagian kalian mengumpat sebagian yang lain. Sukakah salah seorang dari kalian memakan daging bangkai saudaranya yang telah mati, pasti kalian membencinya. Maka bertaqwalah kalian kepada Allah, sungguh Allah Maha Menerima taubat dan Maha Pengasih"***

Mengumpat mempunyai impak yang sangat besar kepada individu, masyarakat dan juga negara. Di antaranya ialah:

1. Merosakkan imej seseorang
2. Menjatuhkan maruah orang lain
3. Memecah-belahkan perhubungan antara suami-isteri, saudaramara, sahabat-handai serta masyarakat
4. Mengumpat adalah asas kepada tersebarnya fitnah yang lebih besar. Ia bermula dengan menyebarkan benda yang palsu dan aib
5. Memutuskan silaturrahim, mencetuskan prasangka buruk dan hasad dengki

Marilah kita bersama-sama:

1. Meneliti sepenuhnya tentang perkara yang di dengari dan di baca sebelum laju melontarkan kata-kata
2. Jaga bahasa dan elakkan provokasi
3. Sebelum berbicara lihat dari segi perspektif orang lain. Ini kerana ianya dapat membantu kita dalam meluahkan sesuatu dengan lebih baik dan lebih difahami
4. Positifkan diri agar hati sentiasa tenang dan bersangka baik
5. Sentiasa berdoa akan kesejahteraan dan sentiasa memaafkan orang lain

***“Watch before you leap. Think before you speak”***

#donemembawang #integriti19/2020

**WORK PLACE GOSSIP**  
IS LIKE JUNK FOOD:  
**IT TASTE GOOD**  
BUT IT MAKES YOU LOOK  
**UGLY UNHEALTHY**  
BE BETTER THAN THAT.

**GREAT MINDS  
DISCUSS IDEAS;  
AVERAGE MINDS  
DISCUSS EVENTS;  
SMALL MINDS  
DISCUSS PEOPLE.**

**gossip**

.....  
“There’s so much dirty linen in our own house needing to be washed that none of us need to take in our neighbor’s washing”

- C.H. Spurgeon

Surround yourself with people who talk about visions and ideas, not other people.

#### The Danger of Gossip

The most dangerous part about gossip is that it steals another person’s reputation. People use gossip to hurt people, in order to feel good about themselves, and to feel like they have power over others. It’s time for you to decide you don’t want to have any part of it.

The Hope Line

Make a habit of shutting down conversations that aim to tear others down.

**GOSSIP  
DIES  
WHEN IT  
ENTERS  
THE EARS  
OF THE  
WISE.**

HAPPYSONSHIP.COM

